

26/01/1999

Menteri Besar pengerusi jawatankuasa agama

KUALA TERENGGANU, Isnin - Majlis Kebangsaan Agama Islam Malaysia (MKAIM) yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah lama memutuskan supaya jawatan pengerusi pembangunan hal ehwal agama Islam negeri diterajui sendiri Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu, Datuk Dr Yusof Noor, berkata keputusan MKAIM yang bertujuan mempercepatkan proses pembangunan Islam itu dipersetujui semua negeri, termasuk Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Sehubungan itu, katanya yang juga Ketua Penerangan Umno, adalah tidak benar tanggapan sesetengah pihak bahawa pembangunan Islam di negara ini akan terjejas tanpa Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kerajaan.

"Ketika keputusan itu dicapai saya adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri," katanya mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam.

Dr Yusof berkata, jika Pengerusi Hal Ehwal Agama Islam dipengerusikan sendiri Menteri Besar dan Ketua Menteri, ia akan memudahkan pemimpin tertinggi negeri itu melulus dan melaksanakan segera program pembangunan Islam yang dirancang.

"Jika jawatan itu disandang Ahli Exco negeri seperti yang saya pegang sekarang, program dan perancangan yang hendak dilaksanakan perlu terlebih dahulu mendapatkan persetujuan dan kelulusan Menteri Besar.

"Ini menyebabkan sesuatu program yang hendak dilaksanakan mengambil masa yang agak lama berbanding disandang sendiri Menteri Besar," katanya.

Dr Yusof berkata, jika mahu program pembangunan Islam di negara ini dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan, wajar Menteri Besar menerajui sendiri jawatan pengerusi pembangunan hal ehwal agama Islam di negeri masing-masing.

Setakat ini, katanya, belum ada negeri yang melaksanakan persetujuan yang dicapai sebelum ini.

"Keputusan yang dipersetujui banyak bergantung kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri untuk membuat keputusan dan rombak portfolio bagi setiap ahli Exco negeri," katanya.

Beliau turut menyokong kenyataan Abdullah bahawa kerajaan yang ditunjangi Barisan Nasional (BN) tidak akan bertindak melampau dan terburu-buru dalam melaksanakan program pembangunan Islam negara ini, sebaliknya mengamalkan pendekatan sederhana dan berhati-hati.

(END)